

19/11/1998

Apec bertekad pulihkan ekonomi

KUALA LUMPUR, Rabu - Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang berakhir di sini hari ini akur dengan kesan buruk krisis kewangan di rantau ini apabila mengisytiharkan tekad mereka untuk melihat ekonomi negara yang terjejas dipulihkan segera.

Sehubungan itu, Apec memutuskan untuk secara bersama mengusahakan strategi ekonomi yang menjurus kepada pertumbuhan, menggerakkan semula pengaliran modal dan mengukuhkan kerangka kewangan antarabangsa.

Dalam usaha menentukan aliran modal yang selamat dan mapan, Apec menggesa penubuhan segera satu pasukan petugas bagi menggubal cadangan berhubung soal kawalan lebih berhemat terhadap institusi kewangan di negara maju.

Pasukan petugas itu antara lain akan meneliti standard ketelusan dan pendedahan yang sesuai terhadap institusi kewangan sektor swasta yang terbabit dalam aliran modal antarabangsa seperti bank pelaburan, dana lindung nilai dan pelabur institusi lain.

Ia juga akan meneliti kesan operasi institusi yang bertindak di atas perolehan hutang yang tinggi dan luar pesisir.

Malaysia selama ini menyalahkan kegiatan spekulasi oleh pedagang mata wang seperti dana lindung nilai, kerana mencetus krisis kewangan serantau.

Dalam deklarasi bersama yang dibacakan oleh Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas mesyuarat di Cyberview Lodge di Cyberjaya dekat sini, ketua kerajaan dan ekonomi yang mewakili 21 negara anggota Apec sepakat akan bekerjasama bagi mewujudkan suasana yang menyokong pemulihan ekonomi dengan segera dan mapan, selain membendung krisis sekarang daripada merebak dan mencetuskan kemelesetan sejagat.

Deklarasi 10 halaman itu dibaca oleh Perdana Menteri dengan kehadiran semua pemimpin kerajaan negara anggota Apec mesyuarat peringkat pemimpin selama hampir lima sejam hari ini.

Menjawab soalan wartawan sebaik saja selepas membaca pengisytiharan itu, Perdana Menteri berkata pemimpin Apec memutuskan akan membawa cadangan untuk mengukuhkan kerangka pasaran kewangan kepada forum seperti Kumpulan 22 (G22).

"Kami akan berusaha untuk mempengaruhi negara lain yang bukan negara Apec (berhubung perkara itu)," katanya.

Selain memberi tumpuan kepada krisis ekonomi, deklarasi itu juga menekankan komitmen negara anggota terhadap usaha membuka pasaran dan mewujudkan suasana yang sesuai untuk pelaburan.

Pemimpin Apec mengakui bahawa perkembangan menggalakkan seperti kadar tukaran mata wang yang stabil dan peningkatan kadar inflasi yang dapat dibendung, sudah mula muncul.

Bagaimanapun, beberapa cabaran perlu ditangani dan bagi menghadapinya, negara anggota Apec perlu secara bersama mengusahakan strategi pertumbuhan.

Antara lain strategi itu membabitkan dasar makroekonomi berhemat yang menjurus kepada pertumbuhan, bantuan kewangan tambahan daripada masyarakat antarabangsa bagi menjana pekerjaan serta melindungi golongan miskin daripada terjejas oleh krisis semasa.

Selain itu, Apec juga mahu melihat program menyeluruh untuk menyokong usaha bagi mengukuhkan sistem kewangan, mengembalikan pembiayaan perdagangan dan mempercepatkan penstrukturan semula sektor korporat.

Ia juga mahu melihat kaedah baru untuk mengembalikan aliran modal swasta

ke rantau ini secara stabil dan mapan. Justeru, Apec menggesa amalan agensi penarafan antarabangsa dikaji semula bagi menjamin keberkesanannya dan menentukan ia menyumbang kepada aliran modal yang mapan.

Apec juga akan berusaha bersama negara dan institusi lain untuk membangun dan melaksanakan langkah bagi mengukuhkan sistem kewangan antarabangsa.

Dalam hubungan ini, pemimpin Apec itu mengalu-alukan pakej bantuan AS\$30 bilion (RM114 bilion) yang dicadangkan Jepun untuk menyokong usaha memulihkan ekonomi Asia dan inisiatif pelbagai hala untuk merangsang semula pertumbuhan sektor swasta seperti diumumkan minggu ini oleh Jepun dan Amerika Syarikat.

Mesyuarat tahunan peringkat pemimpin Apec itu menyusuli mesyuarat peringkat menteri dan pegawai kanan yang diadakan sebelum ini di Seri Kembangan, Selangor dari 12 hingga 15 November lalu.

(END)